

Headline	Cas tenaga sendiri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 May 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Bisnes	Page No	44
ArticleSize	316 cm ²	Journalist	Shahrinnahar Latib
PR Value	RM 37,203		



Cas tenaga sendiri

■ Sistem Solar Hidrogen Hibrid jana elektrik mesra alam

Shahrinnahar Latib

bisnes@hmetro.com.my

Syarikat teknologi hijau, Solar NRJ Sdn Bhd (Solar NRJ) berjaya membangunkan Sistem Solar Hidrogen Hibrid yang mampu mengecas sendiri tenaganya untuk menjana elektrik kepada menara telekomunikasi.

Sistem mesra alam yang pertama di Asia itu mampu menggantikan teknologi sedia ada ia itu menggunakan generator dan bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Pengarah Teknikal Solar NRJ Joseph Koh berkata, sistem itu dibangunkan sejak

setahun lalu dengan kos RM500,000 terbahagi kepada dua sistem iaitu solar dan hidrogen hibrid bagi menjana elektrik.

“Bagi sistem solar, baterinya hanya perlu dicaj selama enam jam dan boleh digunakan sehingga enam hari, jika tiada cahaya matahari sistem hidrogen hibrid akan beroperasi secara automatik.

“Sistem hidrogen hibrid akan menggantikan sistem solar sehingga cahaya matahari kembali mengecas bateri solar, maksudnya bekalan elektrik tidak akan terputus kepada menara telekomunikasi,” katanya ketika

ditemui selepas majlis pelancaran Sistem Solar Hidro-

gen Hibrid di Kampung Bangkong, dekat sini.

Hadir sama Ketua Pegawai Sektor Komunikasi, Perkhidmatan Digital dan Piawaian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus.

Beliau berkata, sistem digunakan di menara telekomunikasi milik Digi Telecommunications Sdn Bhd di sini sejak sebulan lalu itu menunjukkan prestasi baik dan diyakini mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada syarikat sekali gus meningkatkan liputan kepada masyarakat.

“Saya yakin syarikat telekomunikasi akan berpuas hati dengan sistem itu kerana

ia dapat menjimatkan kos operasi selain tidak perlu melakukan pemantauan berterusan,” katanya.

Sementara itu, Mohd Ali Hanafiah berkata, sistem berkenaan dibangunkan menggunakan geran kerajaan dalam membangunkan teknologi hijau untuk sektor telekomunikasi.

“Sistem ini mampu mengurangkan kos operasi jika dilaksanakan secara menyeluruh walaupun perbelanjaan permulaan agak tinggi.

“Mungkin di kawasan pedalaman ia sangat efektif digunakan kerana tidak memerlukan penyelenggaraan kerap dan mudah dikendalikan, kita mungkin perluaskan sistem kepada menara telekomunikasi lain pada masa depan,” katanya.

Headline	Cas tenaga sendiri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 May 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Bisnes	Page No	44
ArticleSize	316 cm ²	Journalist	Shahrinnahar Latib
PR Value	RM 37,203		



FAKTA
Sistem
Solar Hidrogen Hibrid
yang pertama
di Asia

MOHD Ali Hanafiah (tujuh dari kanan) bersama kakitangan di hadapan menara telekomunikasi yang menggunakan Sistem Solar Hidrogen Hibrid.

>> Sistem dibangun dengan kos
RM500,000 terbahagi kepada dua
sistem iaitu solar dan hidrogen hibrid